

# Tingkat pemahaman jihad sebenar

Oleh Rosniza  
Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

► Bangi

Pelaksanaan Kempen #Hashtag Mahasiswa Islam Tolak Keganasan diyakini mampu memupuk kefahaman pelajar mengenai erti jihad sebenar serta menyalurkan tenaga dan ilmu untuk pembangunan masyarakat.

Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Hamizah Ibrahim, berkata pendedahan itu penting bagi mengelakkan mahasiswa mengikut emosi hingga semangat juang yang tinggi disalahguna dalam aktiviti keganasan serta bertentangan dengan ajaran Islam.

Katanya, usaha bersungguh-sungguh menyebarkan ilmu pengetahuan serta melawan sifat negatif dalam diri seperti marah dan malas antara jihad yang lebih relevan bagi pelajar.

"Kempen ini wajar dilaksanakan secara tersusun dan berterusan di setiap institusi pengajian tinggi termasuk

ceramah serta kesedaran sosial menerusi media.

## Gerakan ekstrem

"Pelajar yang dikenal pasti bermasalah dan mempunyai kecenderungan menyokong gerakan ekstrem perlu dikenal pasti awal bagi mengelak mereka terjebak dengan ideologi sesat," katanya ketika ditemui pada Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Islam Nasional di Institut Latihan Islam Malaysia, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Muhammad Syazwan Ahmad Fauzi, berkata antara mesej perlu ditekankan dalam kempen berkenaan adalah keutamaan bagi pelajar bersungguh-sungguh mengusahakan kemajuan dan pembangunan untuk manfaat masyarakat, ekonomi dan negara.

"Bermula daripada peringkat universiti lagi, mahasiswa perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu selain bidang pengkhususan yang diikuti bagi membolehkan mereka memberi sumbangan besar kepada masyarakat dan negara.

## Beri kesedaran

"Kempen anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ini adalah inisiatif yang baik bagi memberi kesedaran kepada golongan mahasiswa agar tidak terbabit secara langsung atau tidak langsung dalam sebarang aktiviti ekstrem agama dan terus memberi fokus kepada usaha melengkapkan diri menjadi insan berguna," katanya.

Mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nurhidayah Siru, pula berpendapat kempen itu perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan mahasiswa tidak mengambil penyelesaian salah bagi mencari ketenangan dan kebahagiaan dengan menyertai kumpulan pengganas.

"Kurang ilmu agama mengenai jihad dan kekurangan kasih sayang daripada keluarga mungkin menjadi faktor golongan yang cenderung kepada gerakan kumpulan militan.

"Jihad bagi memperbaiki diri dengan menuntut ilmu yang bermanfaat dan beramal dengannya antara perkara yang perlu diutamakan pelajar daripada membinasakan diri dengan terbabit dalam kegiatan sesat," katanya.



KEMPEN INI WAJAR DILAKSANA SECARA TERSUSUN DAN BERTERUSAN DI SETIAP INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERMASUK CERAMAH SERTA KESEDARAN SOSIAL MENERUSI MEDIA"

Hamizah Ibrahim,  
Pelajar USIM



MAHASISWA PERLU MEMPERSIAPKAN DIRI DENGAN PELBAGAI ILMU SELAIN BIDANG PENGKhususan YANG DIKUTI BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBERI SUMBANGAN BESAR KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA"

Muhammad Syazwan  
Ahmad Fauzi,  
Yang Dipertua Persatuan  
Mahasiswa Fakulti Sains  
Sosial Gunaan UniSZA